

*Garis Panduan*  
dan Polisi Pengurusan  
Majlis Universiti

***Garis Panduan***  
dan Polisi Pengurusan  
Majlis Universiti

Pejabat Hal Ehwal Korporat  
Universiti Teknologi Malaysia  
2014

# **GARIS PANDUAN & POLISI PENGURUSAN UPACARA / MAJLIS UNIVERSITI**

## **Tujuan**

Tujuan garis panduan dan polisi upacara majlis universiti ini disediakan adalah sebagai panduan kepada semua penganjur samada Bahagian / Fakulti / Unit / Kolej di UTM mengenai *Standard Operating Procedure (SOP)*, Pejabat Hal Ehwal Korporat.

Garis panduan dan polisi ini merangkumi penjelasan lengkap mengenai tatacara dan proses bagi mengadakan sesuatu majlis yang melibatkan kerabat DiRaja atau kerabat kenamaan. Tanggungjawab dan tindakan setiap Bahagian / Fakulti / Unit / Kolej yang terlibat juga disenaraikan sebagai panduan kerja untuk setiap proses yang dilaksanakan.

Garis Panduan dan polisi upacara majlis universiti dibahagikan kepada dua panduan yang terperinci iaitu:

- (1) Panduan Khas Mengadakan Majlis Melibatkan Kerabat Diraja Johor
- (2) Panduan Khas Mengadakan Majlis Melibatkan Kerabat Kenamaan

Semua pihak yang menganjurkan upacara perlu merujuk kepada polisi ini. Walau bagaimanapun, polisi ini boleh berubah dari masa ke semasa mengikut keperluan / arahan yang dikeluarkan oleh pihak Pengurusan Universiti. Setiap perubahan yang berlaku akan dikemaskini dan diwar-warkan kepada semua pihak.

## **Definisi operasi :**

Penganjur adalah urusetia sesuatu program

- **Garis Panduan Mengadakan  
Majlis Melibatkan Kerabat DiRaja Johor**
- **Garis Panduan Mengadakan  
Majlis Melibatkan Kerabat Kenamaan**

## Garis Panduan Mengadakan Majlis Melibatkan Kerabat DiRaja Johor

BIL.	PEKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
1.	<b>Logistik</b>	<p>Penganjur hendaklah memastikan pelaksanaan keperluan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lokasi majlis yang sesuai dari segi jenis majlis, jumlah dan taraf tetamu.</li> <li>ii. Mempunyai kemudahan audio visual dan keperluan teknikal yang baik.</li> <li>iii. Kebersihan, keceriaan dan hiasan lokasi majlis.</li> </ul>	<p>Penganjur Pej.HEK Pej. Harta Bina Lain-lain unit berkaitan</p>
2.	<p><b>Keperluan Khas DiRaja</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kerusi DiRaja (majlis dan jamuan)</li> <li>ii. Tandas DiRaja (jika majlis diadakan di luar dewan-<i>outdoor</i>)</li> <li>iii. Karpets Biru Laluan</li> <li>iv. Karpets Biru Pentas</li> </ul>	<p>Pelbagai persiapan perlu dilakukan yang melibatkan keperluan khas DiRaja seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Permohonan secara bertulis perlu dihantar kepada: Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Pejabat SUK Johor beserta atur cara majlis.</li> <li>ii. Satu salinan surat berkenaan perlu dihantar kepada Pejabat Jabatan Kerja Raya Daerah Johor Bahru</li> <li>iii. Penghantaran akan dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya atau diambil sendiri oleh Pejabat Harta Bina mengikut kesesuaian.</li> <li>iv. Pejabat Harta Bina (Unit Ruang) bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan kerusi dan tandas DiRaja ini sepanjang berada di UTM.</li> <li>v. Karpets Biru laluan dan pentas perlu disediakan oleh Pejabat Harta Bina.</li> </ul>	<p>Pej. HEK Pej. Harta Bina Penganjur</p>

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
3.	Rostrum dan Mikrofon DiRaja (Khas untuk DYMM Sultan Johor sahaja)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Permohonan secara bertulis perlu dihantar kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Pejabat SUK Johor beserta atur cara majlis.</li> <li>ii. Satu salinan surat berkenaan perlu dihantar kepada Jabatan Agama Johor</li> <li>iii. Staf Jabatan Agama Johor akan menghantar dan menguruskan perletakan rostrum dan mikrofon ini.</li> <li>iv. Bayaran saguhati pada kadar yang munasabah perlu diberikan kepada petugas teknikal ini dengan kelulusan ketua Pusat Tanggungjawab dan dimasukkan dalam kertas kerja atau minit bebas penganjuran majlis.</li> </ul>	Penganjur Pej. HEK
4.	Petugas Santapan DiRaja	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Permohonan secara bertulis perlu dihantar kepada Pengelola Bijaya DiRaja Johor, Pejabat Istana Besar Johor beserta atur cara majlis <b>sekurang-kurangnya 5 HARI BEKERJA</b> sebelum majlis.</li> <li>ii. Senarai menu yang telah dipersetujui Istana perlu difakskan kepada Pejabat Istana Besar (u.p. Ketua Petugas Santapan).</li> <li>iii. Pihak penyedia makanan perlu berhubung dengan Ketua Petugas Santapan bagi memastikan kelancaran persiapan dan pengurusan Jamuan DiRaja berjalan lancar.</li> <li>iv. Bayaran saguhati pada kadar yang munasabah perlu diberikan kepada petugas santapan DiRaja ini dengan kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab dan dimasukkan dalam kertas kerja atau minit bebas penganjuran majlis.</li> </ul>	Penganjur Pej. HEK

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
5.	Jemputan Mufti untuk Doa DiRaja	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Permohonan perkara ini perlu dihantar secara bertulis kepada YB Dato' Mufti Johor beserta atur cara majlis.</li> <li>ii. Surat ini hendaklah ditandatangani oleh Pengarah Pejabat Hal Ehwal Korporat.</li> <li>iii. Pengarah Pusat Islam UTM atau wakil bersesuaian hendaklah berjumpa dengan YB Mufti untuk menyampaikan surat ini serta menerangkan latar belakang majlis dan jenis doa yang perlu.</li> <li>iv. Pengarah Pusat Islam UTM atau wakil bersesuaian bertanggungjawab untuk memastikan kehadiran YB Mufti dan mengiringi beliau sepanjang berada di UTM.</li> </ul>	Penganjur Pej. HEK Pusat Islam UTM
6.	Pancaragam Timbalan Setia Negeri Johor (TSNJ)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Permohonan secara bertulis perlu dihantar kepada Pegawai Pemerintah Askar Timbalan Setia Negeri Johor beserta atur cara</li> <li>ii. Unit Kebudayaan UTM bertanggungjawab untuk menyelaraskan sesi raptai bersama Pasukan Pancaragam TSNJ, penyediaan jamuan ringan dan keperluan berkaitan yang diadakan sehari sebelum majlis.</li> <li>iii. Pengarah Unit Kebudayaan UTM atau wakil yang berkecualan bertanggungjawab untuk mengiringi pancaragam ini sepanjang berada di UTM.</li> <li>iv. Bayaran saguhati sebanyak RM2000.00 (RM: Dua Ribu sahaja) perlu diberikan secara tunai sebaik selesai majlis oleh Pejabat Hal Ehwal Korporat.</li> </ul>	Penganjur Pej. HEK Unit Kebudayaan UTM
7.	Khidmat Protokol dan keperluan Diraja (SUKJ)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Permohonan secara bertulis perlu dihantar kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Pejabat SUK Johor beserta atur cara majlis.</li> <li>ii. Satu mesyuarat khas perlu diadakan bersama pegawai dari Pejabat SUK Johor bagi memastikan kelancaran majlis dan urusan protokol yang tepat.</li> </ul>	Penganjur Pej. HEK

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
8.	Percetakan Bahan yang mengandungi nama atau logo DiRaja	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sebarang cetakan perlu mendapat pengesahan daripada Pengelola Bijaya DiRaja Johor, Pejabat Istana Besar.</li> <li>ii. <i>Artwork</i> perlu dihantar dan disahkan betul oleh Pengelola Bijaya DiRaja Johor, Pejabat Istana Besar bagi mengelakkan sebarang kesilapan selepas cetakan.</li> </ul>	Penganjur Pej. HEK
9.	Atur cara	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Atur cara akhir dan perjalanan majlis hendaklah dirujuk dan disahkan oleh Pegawai Khas kepada DYMM Tuanku.</li> <li>ii. Perjalanan majlis hendaklah mengambil kira keadaan kesihatan semasa DYMM Tuanku.</li> <li>iii. Sebarang pergerakan juga hendaklah diminimakan bagi memastikan kelancaran majlis.</li> </ul>	Penganjur Pej. HEK
10.	Jemputan	<p>Bagi majlis yang dihadiri oleh DYMM Sultan Johor, adalah perlu untuk menjemput senarai seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. YAB Menteri Besar Johor.</li> <li>ii. YB Menteri Pendidikan Malaysia.</li> <li>iii. Semua Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor.</li> <li>iv. Semua Ahli Jumaah Diraja Johor</li> <li>v. Pro Canselor.</li> <li>vi. Pengerusi dan semua Ahli Lembaga Universiti.</li> <li>vii. Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan pengurusan tertinggi universiti.</li> <li>viii. Lain-lain yang diarahkan oleh Naib Canselor atau Istana.</li> </ul>	Penganjur Pej. HEK Pej. Naib Canselor
11.	Titah DYMM Tuanku	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penganjur perlu menyiapkan draf teks titah DYMM Tuanku dan diserahkan kepada Pejabat Hal Ehwal Korporat dalam tempoh <b>10 HARI BEKERJA</b> sebelum majlis.</li> <li>ii. Teks titah akan disemak dan ditambah baik oleh Pejabat Hal Ehwal Korporat sebelum dihantar kepada pegawai khas Tuanku.</li> </ul>	Penganjur Pej. HEK



BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<p>iii. Teks yang telah disemak oleh Istana perlu dimasukkan ke dalam <i>folder</i> khas berwarna biru untuk diserahkan kepada DYMM Tuanku sebelum majlis.</p>	<p>Penganjur Pej. HEK Pej. Naib Canselor</p>
12.	Jamuan	<p>i. Pejabat Bendahari bertanggungjawab untuk memilih penyedia makanan yang bersesuaian dan menepati <i>standard</i> tetamu.</p> <p>ii. Penyedia makanan yang dipilih hendaklah mempunyai pengalaman mengendalikan Majlis DiRaja dan menawarkan harga yang berpatutan.</p> <p>iii. Tiga(3) cadangan menu hendaklah dikemukakan kepada Istana sama ada semasa sesi mengadap oleh Naib Canselor atau dihantar kepada Pegawai Khas DYMM Tuanku untuk dipersembahkan.</p>	<p>Pejabat HEK Penganjur Pej. Bendahari Pej. Naib Canselor</p>
13.	Buku Program	<p>i. Penganjur program hendaklah menyediakan isi kandungan buku program yang mengandungi latar belakang majlis, objektif dan perkara berkaitan.</p> <p>ii. Pejabat Hal Ehwal Korporat akan menyediakan draf reka bentuk buku program.</p> <p>iii. Penganjur dan Pejabat Hal Ehwal Korporat akan menyemak buku program tersebut dan dirujuk kepada Pejabat Istana Besar Johor atau Pegawai Khas DYMM Tuanku untuk semakan dan pengesahan sebelum dicetak.</p> <p>iv. Kos bayaran cetakan adalah ditanggung oleh penganjur.</p>	<p>Pej. HEK Penganjur</p>

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
14.	Percetakan Banner <i>Backdrop/ Bunting</i> 1. Banner aluan tiba 2. Banner aluan pulang 3. Banner program (luar) 4. Bunting program 5. <i>Backdrop</i> di D. Majlis 6. <i>Backdrop</i> di D. Santapan 7. Aluan Keberangkatan di <i>iboard, utmonline</i> dan laman web UTM	i. Pejabat HEK akan menyediakan reka bentuk. ii. Draf akhir reka bentuk setiap bahan bercetak hendaklah disemak dan disahkan oleh Pejabat Istana Besar atau pegawai khas DYMM Tuanku.	Pej. HEK Penganjur
15.	Protokol	Aspek protokol merangkumi: i. Susunan Tempat Duduk ii. Aturan Ketibaan iii. Perjalanan Majlis iv. Salutasi v. Susunan Sesi Jamuan	Pej. HEK Penganjur
16.	Skrip Penuh Majlis dan Aturan Ringkas Perjalanan Majlis	i. Penganjur dan Pejabat Hal Ehwal Korporat akan menyediakan satu skrip majlis beserta aturan ringkas perjalanan majlis untuk diberikan kepada pengacara majlis dan semua jawatankuasa terlibat. ii. Skrip majlis dan aturan ringkas perjalanan majlis hendaklah telah disemak dan dipersetujui oleh Pegawai Pejabat Istana Besar atau Pegawai Khas DYMM Tuanku.	Penganjur Pej. Harta Bina Pej. HEK
17.	Susun Atur & Senarai Kedudukan jika Majlis diadakan di Dewan Sultan Iskandar, susun atur yang perlu disediakan adalah seperti berikut: a. Kedudukan Atas Pentas b. Kenamaan Bawah (depan pentas) c. Bilik Canselor d. Bilik Santapan/Jamuan	i. Jumlah kerusi bagi tetamu DiRaja, kenamaan perlulah disediakan lebih dari jumlah yang sepatutnya. ii. Susunan kedudukan DiRaja perlu dirujuk kepada Pegawai Pejabat Istana Besar atau Pegawai Khas DYMM Tuanku.	Penganjur Pej. HEK

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
18.	Tempahan Bilik Kenamaan di Lapangan Terbang Senai	Tempahan Bilik Kenamaan di Lapangan Terbang Senai: i. Bagi memastikan kelancaran sambutan kenamaan universiti di Lapangan Terbang Senai, penganjur boleh membuat permohonan rasmi kepada Pengurus Lapangan Terbang Senai untuk penggunaan bilik tersebut. ii. Tempahan perlu dibuat <b>3 HARI</b> sebelum majlis dengan melampirkan jadual ketibaan dan pelepasan tetamu. Walaubagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan dan syarat-syarat yang ditetapkan pengurusan lapangan terbang.	Penganjur
19.	Bendera Johor di laluan DYMM Tuanku	i. Bendera Johor perlu digantung pada tiang-tiang di sepanjang laluan dari pintu masuk utama UTM hingga ke kawasan Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim. ii. Pemasangan bendera ini perlu dilakukan <b>DUA hari</b> sebelum majlis sehingga DUA hari selepas hari majlis.	Penganjur Pej. HEK
20.	Bayaran khas/ Saguhati	Bayaran saguhati perlu diberikan kepada: i. Pasukan Pancaragam Timbalan Setia Negeri Johor (TSNJ) ii. Petugas Santapan iii. Petugas Rostrum Diraja iv. Pengacara Majlis	Penganjur Pej. HEK
21.	Cenderamata	i. Penganjur hendaklah menyediakan cenderamata yang bersesuaian dan merujuk kepada Pejabat Hal Ehwal Korporat sebelum sebarang pembelian atau tempahan dibuat. ii. Bunga aluan ( <i>bouquet</i> ) kepada DYMM Raja Zarith Sofiah perlu disediakan bersama <i>Flower Girl</i> .	Penganjur Pej. HEK

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		iii. Kos penyediaan bunga dan suguhati kepada <i>Flower Girl</i> pada kadar yang munasabah perlu diberikan dengan kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab dan dimasukkan dalam kertas kerja atau minit bebas penganjuran majlis.	Penganjur Pej. HEK
22.	Kesihatan	Dari segi perubatan, Pusat Kesihatan UTM perlu berhubung dengan Hospital Sultanah Aminah bagi memastikan kehadiran staf perubatan bertugas beserta ambulan semasa majlis.	Penganjur Pej. HEK Pusat Kesihatan UTM
23.	Teks Ucapan Naib Canselor	Mengikut <i>standard</i> majlis kenamaan	Pej. Naib Canselor
24.	Pengacara Majlis	Mengikut <i>standard</i> majlis kenamaan	Penganjur & HEK
25.	Gimik Perasmian	Mengikut <i>standard</i> majlis kenamaan	Penganjur & HEK
26.	Sambutan dan Pegawai Pengiring	Mengikut <i>standard</i> majlis kenamaan	Pengerusi JK Sambutan Universiti
27.	Media i. Kenyataan Media ii. Jemputan media	Mengikut <i>standard</i> majlis kenamaan	Penganjur Pej. HEK
28.	Pengangkutan	Mengikut <i>standard</i> majlis kenamaan	Penganjur & PHB
29.	Penginapan	Mengikut <i>standard</i> majlis kenamaan	Penganjur & PHB
30.	Keselamatan dan Lalu lintas	Mengikut <i>standard</i> majlis kenamaan	Penganjur & Bahagian Keselamatan

## Garis Panduan Mengadakan Majlis Melibatkan Kenamaan

BIL.	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
1.	<b>Logistik</b>	<p>Penganjur hendaklah mendapatkan tempat yang bersesuaian berdasarkan standard berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Lokasi majlis yang sesuai dari segi jenis majlis, jumlah dan taraf tetamu.</li> <li>ii. Mempunyai kemudahan audio visual dan keperluan teknikal yang baik.</li> <li>iii. Kebersihan, keceriaan dan hiasan lokasi majlis.</li> </ol>	Penganjur
2.	<b>Jemputan</b>	<p><b>2.1 Kategori Jemputan</b> Penganjur hendaklah menentukan senarai jemputan yang merangkumi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Jemputan perasmi - menggunakan surat rasmi.</li> <li>ii. Jemputan kenamaan - menggunakan kad atau surat.</li> <li>iii. Jemputan tetamu - menggunakan kad atau surat.</li> <li>iv. Peserta - menggunakan kad atau surat.</li> <li>v. Lain-lain (mahasiswa- menggunakan kad atau surat).</li> </ol> <p><b>2.2 Perasmi</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Penganjur dinasihatkan untuk merujuk kepada Pejabat Hal Ehwal Korporat sebelum membuat jemputan kepada perasmi atau penceramah bagi mengelakkan sebarang isu-isu berbangkit yang boleh menjejaskan nama baik universiti.</li> <li>ii. Selain itu perasmi yang dipilih hendaklah mengikut kesesuaian dan skala majlis.</li> <li>iii. Penganjur juga boleh berhubung dengan pihak perasmi terlebih dahulu berkenaan tarikh yang bersesuaian.</li> <li>iv. Jika ingin menjemput Naib Canselor sebagai perasmi, penganjur hendaklah berhubung dengan Pembantu Khas Naib Canselor untuk memastikan tarikh majlis bersesuaian dengan Naib Canselor atau sebaliknya.</li> </ol>	Penganjur Pej. HEK Pej. NC

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<p>Jemputan kepada senarai berikut hendaklah ditandatangani oleh Naib Canselor:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Kerajaan Persekutuan: Ketua Setiausaha Kementerian, Timbalan Menteri dan ke atas (termasuk Kerabat DiRaja).</li> <li>b. Kerajaan Negeri: Menteri Besar dan Exco Kerajaan Negeri (termasuk Kerabat DiRaja)</li> <li>c. IPT: Naib Canselor dan ke atas.</li> <li>d. Jika Naib Canselor berada di luar Negara, surat jemputan boleh ditandatangani oleh pemangku rasmi Naib Canselor selepas dimaklumkan kepada Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Naib Canselor.</li> <li>e. Bagi jemputan kepada Ahli Lembaga Pengarah Universiti, surat jemputan boleh ditandatangani oleh Tuan Pendaftar.</li> </ol> <p><b>2.3 Tempoh jemputan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Setiap jemputan untuk pihak luar bagi menghadiri majlis hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh majlis.</li> <li>ii. Setiap jemputan untuk pihak luar bagi merasmikan majlis hendaklah dikeluarkan <b>sekurang-kurangnya 2 BULAN</b> sebelum majlis.</li> </ol> <p><b>2.4 Bentuk Jemputan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Jemputan untuk pihak luar bagi merasmikan majlis yang ditandatangani oleh Naib Canselor hendaklah menggunakan surat rasmi bersama atur cara dan brosur berkaitan yang dirangka oleh penganjur dan diserahkan kepada Pejabat Perhubungan Awam &amp; Komunikasi Korporat untuk urusan seterusnya dalam tempoh <b>2 BULAN</b> sebelum majlis.</li> </ol>	<p>Penganjur Pejabat HEK Pej. NC</p>

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Jemputan untuk pihak luar bagi menghadiri majlis boleh menggunakan surat atau kad yang direka khas oleh penganjur yang telah disahkan rekaannya oleh Pejabat Perhubungan Awam &amp; Komunikasi Korporat.</li> <li>iii. Borang jawapan kehadiran hendaklah disertakan bersama surat jemputan dan atur cara.</li> <li>iv. Pelekat khas kenderaan boleh disertakan untuk majlis utama universiti.</li> <li>v. Jadual pergerakan perasmi bermula dari ketibaan sehingga bertolak pulang perlu disediakan dan diedarkan kepada Bahagian Keselamatan, Unit Kenderaan, Pejabat Hal Ehwal Korporat dan bahagian berkaitan bagi melancarkan pergerakan perasmi di UTM. Jadual ini juga perlu disediakan jika YBhg. Pro Canselor dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, hadir ke universiti.</li> </ul> <p><b>2.5 Tempoh mengeluarkan surat jemputan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Setiap surat jemputan untuk pihak luar bagi menghadiri majlis hendaklah dikeluarkan <b>sekurang-kurangnya 21 HARI</b> sebelum tarikh majlis.</li> <li>ii. Setiap jemputan untuk pihak luar bagi merasmikan majlis hendaklah dikeluarkan <b>sekurang-kurangnya 2 BULAN</b> sebelum majlis. * Contoh surat &amp; kad jemputan seperti pada Lampiran 1 &amp; 1.1</li> </ul> <p><b>2.7 Pengesahan Kehadiran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Setiap jemputan yang melibatkan kenamaan, penganjur hendaklah membuat panggilan susulan bagi memastikan mereka telah menerima jemputan.</li> <li>ii. Selain itu, panggilan susulan juga perlu untuk mengesahkan kehadiran kenamaan-kenamaan ini dalam majlis tersebut.</li> </ul>	<p>Penganjur Pej. HEK</p>

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
3.	Atur cara	<p>iii. Adalah menjadi tanggungjawab penganjur untuk memastikan kehadiran tetamu memenuhi sekurang-kurangnya setengah daripada kapasiti dewan/lokasi majlis.</p> <p>i. Atur cara adalah perkara yang mesti disediakan dalam penganjuran sesebuah majlis. Ia hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Waktu ketibaan tetamu.</li> <li>b. Waktu ketibaan perasmi.</li> <li>c. Lagu Negaraku (bergantung pada jenis majlis).</li> <li>d. Bacaan doa (bergantung pada jenis majlis)*</li> <li>e. Ucapan wakil penganjur.</li> <li>f. Ucapan perasmi.</li> <li>g. Gimik pelancaran / montaj.</li> <li>h. Penyampaian cenderamata.</li> <li>i. Lagu Keunggulan Terbilang (bergantung pada jenis majlis).</li> <li>j. Jamuan.</li> <li>k. Bersurai.</li> </ol> <p>* Bagi majlis yang mengandungi persembahan seperti tarian dan nyanyian, bacaan doa adalah <b>TIDAK</b> digalakkan.</p> <p>ii. Bagi majlis yang melibatkan kehadiran kenamaan (seperti senarai di bawah), atur cara hendaklah dirujuk kepada Pejabat Hal Ehwal Korporat.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Kerabat DiRaja</li> <li>b. Pegawai Tinggi Kerajaan Persekutuan (Timbalan Ketua Setiausaha(TKSU) dan ke atas)</li> <li>c. Pengurusan Tertinggi Kerajaan Negeri (Exco dan ke atas)</li> <li>d. Pegawai Kanan UTM (Naib Canselor dan ke atas)</li> </ol> <p>* <i>Contoh atur cara boleh dirujuk di lampiran 2 &amp; 2.1</i></p>	<p>Penganjur</p> <p>Penganjur Pej. HEK</p> <p>Penganjur Pej. HEK Pej. NC</p>



BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
4.	<b>Teks Ucapan</b>	<p>i. Pihak penganjur bertanggungjawab untuk menyediakan teks ucapan untuk perasmian dan wakil universiti.</p> <p>ii. Draf teks ucapan untuk menteri atau wakil kerajaan negeri perlu mengandungi dasar-dasar kerajaan serta pekeliling yang berkaitan dengan bidang majlis dan perlu diserahkan kepada Pejabat Hal Ehwal Korporat <b>sekurang-kurangnya 10 HARI bekerja</b> sebelum majlis berlangsung untuk semakan dan tindakan seterusnya.</p> <p>iii. Teks ucapan untuk Naib Canselor atau wakil rasmi universiti perlu mengandungi dasar-dasar universiti berkaitan dengan majlis serta perkembangan terbaru dan pencapaian terbesar universiti dalam tempoh 6 bulan terkini. Teks berkenaan perlu diserahkan kepada Pejabat Naib Canselor untuk semakan.</p> <p>* <i>Contoh teks ucapan sila rujuk di Lampiran 3.</i></p>	Penganjur Pej. HEK
5.	<b>Pengacara Majlis</b>	<p>Pelantikan pengacara majlis yang berpengetahuan dan berpengalaman adalah penting bagi memastikan kelancaran majlis:</p> <p>i. Bagi majlis anjuran mahasiswa atau majoriti tetamu terdiri di kalangan mahasiswa, adalah sangat digalakkan agar pengacara majlis dilantik di kalangan mahasiswa.</p> <p>ii. Jika majlis melibatkan kenamaan iaitu Ketua Setiausaha Kementerian, Timbalan Menteri dan ke atas (termasuk kerabat DiRaja), pengacara dan penganjur hendaklah menyediakan skrip dan merujuk kepada Pejabat Perhubungan Awam &amp; Komunikasi Korporat untuk semakan.</p>	Penganjur Pej. HEK

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Bagi majlis anjuran bahagian dan fakulti, penganjur boleh terus melantik pengacara atau merujuk kepada Pejabat Perhubungan Awam &amp; Komunikasi Korporat untuk cadangan.</li> <li>iv. Bayaran saguhati kepada pengacara majlis <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Bagi majlis yang dianjurkan fakulti/bahagian, bayaran hendaklah ditanggung oleh penganjur.</li> <li>b. Bayaran saguhati adalah mengikut cabutan minit Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil.4/2010. <i>(seperti di lampiran 4)</i></li> </ul> </li> </ul>	<p>Penganjur Pej. HEK</p>
6.	<b>Pembaca Doa</b>	<p>Keperluan pembaca doa adalah tertakluk kepada panduan bacaan doa yang telah diluluskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bacaan doa tidak perlu dibaca di majlis yang berunsur hiburan.</li> <li>ii. Bagi urusan mendapatkan khidmat pembaca doa, penganjur boleh terus membuat permohonan rasmi kepada Pengarah, Pusat Islam UTM atau melalui Pejabat Hal Ehwal Korporat.</li> <li>iii. Doa yang dibaca hendaklah tidak panjang tetapi padat.</li> <li>iv. Bahasa yang digunakan adalah mengikut pengendalian majlis seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Jika majlis dikendalikan dalam bahasa Malaysia, doa hendaklah dalam bahasa Arab dan bahasa Malaysia.</li> </ul> </li> </ul>	<p>Penganjur Pej. HEK Pusat Islam UTM</p>

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<p>b. Jika majlis dikendalikan dalam Bahasa Inggeris, doa hendaklah dalam bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.</p> <p>c. Jika majlis dikendalikan dalam dwi bahasa, doa dalam bahasa Arab, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.</p> <p><i>* Contoh teks doa sila rujuk lampiran 5 &amp; 5.1</i></p>	<p>Penganjur Pej. HEK Pusat Islam UTM</p>
7.	<b>Persembahan</b>	<p>Perancangan yang teratur sebelum persembahan berlangsung amat perlu bagi memastikan kelancaran sesebuah majlis. Beberapa perkara berikut perlu diambil kira sebelum persembahan berlangsung:</p> <p>i. Penganjur hendaklah mengenal pasti jenis majlis sama ada memerlukan persembahan atau sebaliknya.</p> <p>ii. Penganjur hendaklah mendapatkan persetujuan daripada pihak Universiti dengan merujuk terlebih dahulu kepada Unit Kebudayaan UTM.</p> <p>iii. Penganjur juga hendaklah mengenal pasti dan menghubungi pihak yang akan membuat persembahan</p> <p>iv. Penganjur juga hendaklah mendapatkan pengesahan dan persetujuan serta keperluan persembahan untuk membuat persembahan.</p> <p>v. Penganjur hendaklah memastikan keperluan persembahan tersedia (termasuk ketika raptai dan sepanjang majlis berlangsung).</p> <p>vi. Jika terdapat sebarang permintaan untuk sebarang persembahan khas dari pengurusan tertinggi universiti, satu mesyuarat khas perlu diadakan dan satu keputusan secara bertulis perlu dibuat mengenai pembayaran, corak persembahan dan hal berkaitan.</p>	<p>Penganjur Pej. HEK Unit Kebudayaan UTM</p>

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
8.	<b>Perubatan</b>	<p>i. Penganjur hendaklah memaklumkan kepada Pengarah Pusat Kesihatan Universiti secara bersurat mengenai majlis dan program yang akan dilaksanakan.</p> <p>ii. Maklumat yang perlu dikemukakan hendaklah mengandungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Nama majlis.</li> <li>Tarikh, masa dan tempat.</li> <li>Keperluan perubatan mengikut majlis.</li> <li>Tetamu kenamaan serta jumlah tetamu atau peserta yang akan hadir.</li> </ol> <p>iii. Maklumat lanjut mengenai bantuan yang boleh diperolehi bagi keperluan perubatan boleh terus berhubung dengan:</p> <p>Pusat Kesihatan Universiti  Universiti Teknologi Malaysia  81310 Skudai  Johor Bahru  Tel: 07 - 5537223  Faks: 07 - 5537216</p>	Penganjur Pej. HEK Pusat Kesihatan UTM
9.	<b>Pengurusan Sambutan</b>	<p>Bagi majlis yang melibatkan kehadiran peserta atau tetamu yang ramai atau perasmi di kalangan menteri dan ke atas, penganjur digalakkan untuk melantik sejumlah pegawai dan staf yang berkelayakan untuk menjadi petugas sambutan bagi memastikan kelancaran majlis.</p> <p>Bahagian sambutan ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu petugas sambutan tetamu (kenamaan dan tetamu biasa) dan pegawai pengiring.</p> <p>i. Petugas sambutan  Petugas sambutan untuk kenamaan perlu dilantik di kalangan pegawai dan staf yang</p>	Penganjur Pej. HEK

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<p>mempunyai sekurang - kurangnya pengalaman dan pengetahuan asas dalam bidang etiket dan protokol.</p> <p>ii. Pegawai Pengiring</p> <p>a. Dasar universiti menetapkan hanya tetamu bertaraf ahli lembaga pengarah universiti dan ke atas sahaja layak diberikan keistimewaan untuk memperolehi khidmat pegawai pengiring.</p> <p>b. Pegawai pengiring yang dilantik hendaklah sekurang - kurangnya telah berkhidmat dengan universiti tidak kurang dari tiga tahun dan mempunyai sedikit pengalaman dan pengetahuan mengenai etiket dan protokol sebagai pegawai pengiring.</p> <p>c. Pegawai yang dilantik juga hendaklah mengetahui serba sedikit mengenai perkembangan terkini universiti seperti fakulti, mahasiswa, dasar-dasar terbaru, majlis-majlis besar yang telah dan akan berlangsung dan lain- lain lagi.</p>	<p>Penganjur Pej. HEK JK Pegawai Pengiring dan Sambutan</p>
10.	<b>Keselamatan</b>	<p>i. Penganjur hendaklah memaklumkan kepada Pengarah Bahagian Keselamatan secara bersurat atau melalui emel rasmi mengenai majlis dan program yang akan dilaksanakan.</p> <p>ii. Maklumat yang perlu dikemukakan hendaklah mengandungi:</p> <p>a. Nama majlis</p> <p>b. Tarikh, masa dan tempat</p> <p>c. Senarai nama dan jawatan lengkap kenamaan, jenis dan warna kenderaan serta nombor pendaftaran kenderaan (tetamu luar)</p>	<p>Penganjur Pej. HEK  Bhg. Keselamatan Pej. Pendaftar</p>

No.	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<p>d. Keperluan pengiring atau 'outriders' (sekiranya perlu)</p> <p>iii. Penganjur juga hendaklah menyatakan keperluan dan jumlah tempat letak kenderaan tetamu sekiranya majlis tersebut melibatkan jumlah jemputan luar yang ramai.</p> <p>iv. Penganjur juga boleh memohon kepada Bahagian Keselamatan untuk menyediakan papan tanda arah ke lokasi majlis dengan mengisi Borang Permohonan Papan Tanda.</p> <p>v. Maklumat lanjut mengenai bantuan yang boleh diperolehi bagi keperluan keselamatan dan trafik boleh terus berhubung dengan:</p> <p>Bahagian Keselamatan Universiti Teknologi Malaysia 81310 Skudai Johor Bahru Tel: 07 - 5530014 Faks: 07 - 5530432 Atau</p> <p>Unit Keselamatan UTM Kuala Lumpur Jalan Semarak 54100 Kuala Lumpur</p>	<p>Penganjur Pej. HEK JK Pegawai Pengiring dan Sambutan</p>
11.	<b>Penyediaan Jamuan</b>	<p>Selaras dengan dasar kerajaan ke arah gaya hidup sihat, pihak universiti menggalakkan agar setiap jamuan pada setiap majlis yang diadakan hendaklah mengutamakan kebersihan, kesihatan, menu sihat dan seimbang serta tidak berlebihan dengan kos yang munasabah.</p>	<p>Penganjur Pej. Bendahari (Majlis Utama Sahaja) Selain daripada itu, tempahan jamuan adalah di bawah tanggungjawab Penganjur</p>

	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<p>i. <b>Jenis Jamuan</b> Secara umumnya, terdapat dua (2) kategori jamuan iaitu jamuan ringan sebelum majlis untuk tetamu kenamaan dan jamuan utama.</p> <p>a. <b>Jamuan ringan sebelum majlis</b> Jamuan ringan dalam sesuatu majlis ialah jamuan yang disediakan 30 minit sebelum majlis bermula. Menu bagi jamuan untuk 5 hingga 10 tetamu kenamaan ini tidak perlu berat dan disediakan di dalam bilik menunggu (<i>holding room</i>). <i>*Contoh menu seperti Lampiran 6</i></p> <p>b. <b>Jamuan Utama</b> Bagi jamuan utama terdapat dua (2) cara yang diamalkan oleh pihak universiti iaitu secara buffet dan secara hidang.</p> <p>b.1 Jamuan secara buffet lebih digalakkan kerana kos penyediaan yang lebih rendah dan tidak memerlukan ruang luas untuk mengendalikannya. Jenis menu yang dicadangkan pula adalah lebih ringkas dan mudah dimakan. <i>Contoh menu seperti Lampiran 6.</i></p> <p>b.2 Jamuan secara hidang biasanya diadakan untuk majlis yang melibatkan tetamu kenamaan seperti Timbalan Menteri, Menteri dan ke atas. <i>*Contoh menu seperti Lampiran 7.</i></p> <p>ii. <b>Jenis Menu</b></p> <p>a. Jenis menu yang dipilih hendaklah mengikut tetamu kenamaan yang hadir dan waktu majlis diadakan sama ada jamuan ringan, jamuan tengahari, minum petang (<i>high-tea</i>) atau makan malam.</p>	<p>Penganjur</p>

	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<p>b. Penganjur digalakkan untuk mengenalmesti jika terdapat tetamu dari luar negara atau tetamu yang mengamalkan 'vegetarian' maka hidangan yang bersesuaian hendaklah disediakan.</p> <p>c. Bagi majlis yang melibatkan tetamu asing, penganjur digalakkan untuk menyediakan makanan Malaysia dan sedikit menu antarabangsa sebagai tambahan seperti sup dan roti.  <i>*contoh menu seperti Lampiran - vegetarian, menu Malaysia dan Barat seperti Lampiran 8.</i></p> <p>d. Bagi majlis yang melibatkan kerabat DiRaja, menu yang dipilih mestilah dirujuk terlebih dahulu kepada Pejabat Istana atau Pegawai Khas DYMM Tuanku sebelum pengesahan untuk penyediaan makanan dilakukan.  <i>* Contoh menu seperti Lampiran 9.</i></p> <p>iii. <b>Penyedia Makanan</b>            Dalam pemilihan penyedia makanan (caterer), pihak penganjur digalakkan untuk menilai terlebih dahulu perkara-perkara berikut sebelum pelantikan dibuat:</p> <p>a. Mempunyai pengalaman dalam penyediaan makanan.</p> <p>b. Makanan yang disajikan hendaklah berkualiti.</p> <p>c. Peralatan yang digunakan hendaklah seragam.</p> <p>d. Petugas jamuan hendaklah berpakaian sopan dan beretika</p> <p>e. Menepati masa.</p> <p><i>* Senarai penyedia makanan (caterer) boleh dirujuk di Lampiran 10.</i></p>	Penganjur



BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<p>iv. <b>Pembayaran</b>  Pihak penganjur majlis hendaklah menyediakan surat tempahan penyediaan makanan untuk memudahkan pembayaran. Namun begitu, seandainya tempahan dibuat dalam masa yang terlalu singkat, surat pengesahan dari penganjur sahaja telah memadai.</p>	Penganjur
12.	<p><b>Keperluan Teknikal dan Kemudahan Teknologi Maklumat</b></p>	<p>Keperluan teknikal meliputi audio &amp; siaran merupakan elemen penting dalam penganjuran sesebuah majlis. Ia menjadi tanggungjawab penganjur untuk memastikan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penganjur hendaklah memastikan keperluan teknikal seperti sistem audio &amp; siaran mencukupi dan kemudahan internet berfungsi dan menepati keperluan majlis.</li> <li>ii. Bagi penganjuran majlis - majlis utama di UTM, kebanyakan dewan utama seperti Dewan Sultan Iskandar, Dewan Senat dan Dewan Jamuan telah mempunyai set sistem audio dan kemudahan internet.</li> <li>iii. Jika majlis atau program diadakan di sekitar kawasan kampus yang tidak mempunyai kemudahan sistem audio, permohonan mendapatkan sistem <i>audio portable</i> boleh terus dibuat kepada Unit Ruang, Bahagian Perkhidmatan, Pejabat Harta Bina.</li> <li>iv. Jika sesuatu majlis memerlukan sistem audio pada skala besar dan berkapasiti tinggi, penganjur boleh melantik pihak luar untuk penyediaan keperluan ini mengikut syarat- syarat dan prosedur perolehan yang ditetapkan pejabat Bendahari UTM. Kos adalah ditanggung oleh Penganjur Program.</li> </ul>	Penganjur Pej. Harta Bina Pej. HEK CICT

BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<p>v. Sebelum sebarang majlis bermula, penganjur bertanggungjawab untuk memastikan segala kemudahan dan sistem audio berfungsi dengan baik dengan mengadakan raptai bagi mengelakkan sebarang masalah ketika majlis sedang berlangsung.</p>	Penganjur
13.	<b>Penginapan</b>	<p>Jika terdapat keperluan untuk penginapan, penganjur hendaklah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Membuat tempahan awal sekurang-kurangnya sebulan sebelum majlis untuk tetamu utama atau peserta. Tempahan hendaklah dibuat berdasarkan kepada kelayakan tetamu (kadar yang ditetapkan kerajaan) atau mengikut belanjawan sesuatu majlis.</li> <li>ii. Tempahan sesuatu hotel atau penginapan adalah mengikut kesesuaian majlis dan tetamu. Bayaran hotel untuk tetamu utama majlis akan ditanggung oleh UTM atau pihak penganjur sendiri mengikut keutamaan majlis. Bayaran penginapan tetamu yang ditanggung oleh UTM adalah: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pro-Canselor</li> <li>b. Lembaga Pengarah Universiti</li> <li>c. Profesor Emeritus</li> <li>d. Karyawan Tamu</li> <li>e. Tetamu rasmi universiti atas arahan Naib Canselor</li> </ol> <p>Lain-lain bayaran penginapan adalah ditanggung oleh Penganjur.</p> </li> <li>iii. Untuk penginapan di Scholar's Inn, UTM Johor Bahru, beberapa keperluan perlu diberi perhatian sebelum kehadiran tetamu terutamanya Pro-Canselor dan Lembaga Pengarah Universiti iatu: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Memastikan kekemasan bilik</li> <li>b. Menyediakan <i>Welcome Fruit Basket</i></li> <li>c. Penghawa dingin dan lampu telah dipasang sebelum ketibaan tetamu</li> </ol> </li> </ol>	Penganjur Pej. HEK



BIL	PERKARA/AKTIVITI	PERINCIAN	TINDAKAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Kereta Rasmi Universiti</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Penganjur hendaklah menyediakan draf jadual perjalanan tetamu kenamaan dan membuat tempahan kenderaan terus kepada Unit Kenderaan, Pejabat Harta Bina.</li> <li>b. Pihak penganjur hendaklah mendapatkan maklumat lengkap dan menyediakan jadual perjalanan yang mengandungi pergerakan tetamu kenamaan, nombor pendaftaran kenderaan, nama pemandu, nombor telefon bimbit dan pegawai pengiring (jika perlu).</li> <li>c. Jadual lengkap tersebut hendaklah diberikan kepada Unit Kenderaan, Pejabat Harta Bina, Unit Upacara Pejabat Hal Ehwal Korporat dan Bahagian Keselamatan.</li> </ul> </li> </ul>	<p>Penganjur Pej. Harta Bina Pej. HEK</p>
16.	<b>Media</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Terdapat dua perkara utama yang berkaitan dengan media iaitu penyediaan kenyataan media dan jemputan media.</li> <li>ii. Penganjur perlu menyiapkan draf kenyataan media dan diserahkan kepada Pejabat Hal Ehwal Korporat dalam tempoh <b>7 HARI</b> bekerja sebelum majlis.</li> <li>iii. Jemputan media untuk hadir membuat liputan akan diuruskan oleh Pejabat Hal Ehwal Korporat (mengikut keperluan).</li> <li>iv. Wartawan yang dijemput hendaklah mengenakan pakaian yang menepati etika yang ditetapkan. Kegagalan mematuhi etika ini boleh mengakibatkan pihak media tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan sewaktu majlis berlangsung.</li> </ul>	<p>Penganjur Pej. HEK</p>
